

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
AKAUN PULANGAN PENDAPATAN TETAP-i (FRIA-i)***Layak menerima perlindungan PIDM***1. AM**

- 1.1. Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i ("FRIA-i") akan menggunakan prinsip Syariah iaitu Tawarruq melalui Komoditi Murabahah ('monetisation') yang mana komoditi yang digunakan adalah Minyak Sawit Mentah atau komoditi patuh Syariah yang lain ("Komoditi") bila dan apabila ditentukan oleh CIMB Islamic Bank Berhad ("Bank") dan pelbagai transaksi komoditi Murabahah akan dimasuki ("Transaksi Komoditi Murabahah").
- 1.2. Wang yang dideposit hendaklah dalam Ringgit Malaysia ("RM") sahaja. Jumlah minimum dan sebarang jumlah tambahan terhadapnya, dan tempoh deposit boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Bagi keadaan di mana kaedah deposit adalah melalui cek tempatan, Bank boleh membuka FRIA-i dan mengeluarkan Slip pengakuan FRIA-i ("Slip Pengakuan") pada hari cek dideposit. Walau bagaimanapun, sekiranya cek tersebut dipulangkan atau tidak dilayan selepas pengeluaran Slip Pengakuan, Bank merizab hak untuk menutup FRIA-i dan memperlakukan Penyata sebagai dibatalkan dan tidak sah.
- 1.3. Permohonan untuk membuka FRIA-i hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan oleh Bank.
- 1.4. Penerimaan dan penggunaan berterusan FRIA-i adalah semata-mata menurut budi bicara Bank.
- 1.5. Pemohon hendaklah mematuhi semua keperluan Bank untuk membuka FRIA-i. Contoh tandatangan-penandatanganan sah juga hendaklah diberikan kepada Bank.
- 1.6. Bank merizab hak untuk menghendaki agar kad pengenalan atau pasport dikemukakan bagi tujuan pengenalpastian bagi sebarang transaksi FRIA-i.
- 1.7. Bank merizab hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah minimum bagi deposit yang diperlukan untuk membuka FRIA-i, termasuklah menetapkan jumlah deposit untuk membuka Akaun FRIA-i.
- 1.8. Sebarang borang atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang transaksi yang disahkan dan atau dilaksanakan secara elektronik oleh pemegang akaun berkaitan dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah FRIA-i sebelum, semasa atau selepas transaksi atau perkara tersebut dilaksanakan ('transaksi di atas') akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap pemegang akaun.

Tanpa menjejaskan sifat am perkara yang disebut sebelum ini, pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa buku dan atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas juga akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap pemegang akaun.

2. PENGENDALIAN AKAUN

- 2.1. Tempoh deposit hendaklah dalam lingkungan 1 hingga 60 bulan seperti yang boleh ditetapkan oleh Bank.
- 2.2. Keuntungan bagi FRIA-i untuk pelbagai tempoh deposit akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.3. Sekiranya pemegang akaun tidak dapat hadir secara peribadi untuk menerima pembayaran deposit dan ingin pembayaran dibuat kepada pihak lain atau, bagi perniagaan atau pelanggan korporat, apabila penandatanganan sah pemegang akaun tidak dapat hadir secara peribadi untuk menerima pembayaran deposit dan ingin pembayaran dibuat kepada pihak lain, pemegang akaun hendaklah menghantar surat yang memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pembayaran sedemikian kepada pihak tersebut. Pembayaran akan dibuat tertakluk kepada budi bicara Bank selepas penentusahan tandatangan pemegang akaun atau tandatangan penandatanganan sah pemegang akaun, mengikut keadaan.
- 2.4. Pengendalian FRIA-i hendaklah dibuat melalui Penyata.
- 2.5. Bagi akaun bersama, sekiranya mana-mana pemegang akaun meninggal dunia, Bank diberi kuasa untuk membayar sebarang baki kredit dalam akaun bersama kepada pemegang akaun yang masih tinggal

tertakluk kepada pematuhan (jika dikehendaki) dengan perundangan statutori yang berkenaan atau undang-undang Shariah (mengikut keadaan).

2.6 FRIA-i akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:-

- (a) kebangkrapan atau likuidasi pemegang akaun; atau
- (b) pengeluaran semua jumlah prinsipal oleh pemegang akaun sebelum tarikh matang; atau
- (c) pemegang akaun tidak menerima sebarang perubahan dan pindaan pada terma-terma dan syarat-syarat,

dan dalam keadaan sedemikian, peruntukan di bawah perenggan 5.5 akan dikenakan.

2.7 Pengeluaran sebahagian daripada jumlah prinsipal oleh pemegang akaun tidak dibenarkan untuk FRIA-i Why Wait. Pengeluaran sebahagian daripada jumlah di dalam FRIA-i melainkan FRIA-i Why Wait sebelum tarikh matang dibenarkan tertakluk kepada pengurangan pembayaran keuntungan selaras dengan klausa 5.7.

2.8 Pemegang akaun tidak boleh menggunakan FRIA-i sebagai kolateral atau cagaran untuk sebarang pembiayaan yang diperolehi oleh pemegang akaun daripada mana-mana pembiaya, kecuali daripada Bank atau mana-mana syarikat berkaitannya.

2.9 Pengeluaran penuh atau sebahagian atau penutupan FRIA-i adalah tertakluk kepada baki sebenar yang tersedia dengan mengambil kira transaksi pengeluaran yang terakhir.

2.10 Sekiranya tarikh matang FRIA-i jatuh pada hari bukan Hari Perniagaan, Bank akan membuat pembayaran pada Hari Perniagaan yang berikutnya. Pemegang akaun bersetuju bahawa keuntungan tambahan mungkin perlu dibayar oleh Bank bagi hari bukan hari perniagaan. "Hari Perniagaan" bermaksud hari apabila institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak mengikut keadaan.

2.11 Bagi perniagaan atau pelanggan korporat, pemegang akaun hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank sekiranya mana-mana penandatanganan sahnya tidak lagi diberi kuasa untuk mengendalikan FRIA-i, menandatangani sebarang dokumen atau sebaliknya bertindak bagi pihak pemegang akaun di bawahnya. Pemegang akaun dengan ini membuat representasi dan menjamin bahawa pemegang akaun telah mendapat semua kelulusan korporat yang diperlukan untuk FRIA-i dan pengendaliannya dan pelaksanaan, tindakan dan perkara yang dirancang di dalam ini berkaitan dengan deposit.

3. TRANSAKSI

3.1 Pemegang akaun melantik Bank untuk bertindak sebagai agen mereka untuk pembelian dan penjualan Komoditi selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Bank hanya akan bertindak sebagai agen pemegang akaun dan tidak akan menanggung, atau dianggap menanggung, sebarang kewajipan tambahan kepada, atau mempunyai sebarang perhubungan khusus dengan pemegang akaun selain daripada kewajipan yang diperuntukkan dengan nyata dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

3.2 Sebagai agen pemegang akaun, Bank akan, di permulaan tempoh deposit dan pembaharuannya dan di permulaan tempoh deposit bagi mana-mana peletakan baru dan pembaharuannya, mempunyai kuasa berikut:

- (a) untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan berkaitan dengan pembelian Komoditi atas dasar tunai ("Transaksi Pembelian") melalui perjanjian pembelian, sijil dan instrumen lain seperti yang boleh dilakukan dengan sepenuhnya oleh pemegang akaun dan untuk berunding dengan peniaga atau pembekal komoditi ("Pembekal") bagi pihak pemegang akaun berhubung dengannya; dan
- (b) untuk menjual Komoditi berdasarkan pembayaran tertanggung kepada Bank pada harga kos dicampur keuntungan ("Harga Penjualan Murabahah") bagi pihak pemegang akaun dan untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan berhubung dengannya ("Transaksi Penjualan").

Dengan syarat sentiasa bahawa mandat Bank untuk bertindak sebagai agen pemegang akaun hendaklah tertakluk kepada kadar keuntungan minimum di bawah Transaksi Penjualan sebanyak 0.50% ("Kadar Keuntungan Minimum").

- 3.3 Semasa melaksanakan kewajipan dan aktiviti Bank dalam Transaksi Pembelian dan/atau Transaksi Penjualan, Bank akan menjaga kepentingan pemegang akaun dan bertindak dengan niat baik.
- 3.4 Pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank atas semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos, dan perbelanjaan pun jua yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank disebabkan Transaksi Pembelian dan/atau Transaksi Penjualan sebagai agen pemegang akaun atau disebabkan pemegang akaun memungkirinya di dalam ini. Tanggung rugi yang diberikan akan terus berkuat kuasa meskipun selepas penamatan perhubungan agensi dan sebarang jumlah berkaitan dengannya tidak akan dikenakan sebarang potongan sama ada melalui tolakan tuntutan balas atau sebaliknya.
- 3.5 Sekiranya pemegang akaun inginkan Komoditi diserahkan kepadanya, pemegang akaun boleh berbuat demikian tertakluk kepada perkara berikut:-
- (a) Bank telah menerima notis bertulis daripada pemegang akaun yang menyatakan (i) pelantikan Bank sebagai agen pemegang akaun bagi tujuan Transaksi Penjualan yang diterangkan di dalam Klausa 3.2(b) di atas dibatalkan, (ii) permintaan rasmi agar Komoditi diserahkan secara fizikal dan (iii) alamat di mana Komoditi hendaklah diserahkan. Notis bertulis tersebut hendaklah diterima oleh Bank sekurang-kurangnya lima (5) Hari Perniagaan sebelum Bank menyempurnakan Transaksi Penjualan pada tarikh yang ditetapkan; dan
 - (b) pemegang akaun hendaklah menanggung kos penuh bagi penyerahan secara fizikal tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada kos brokeraj, penyimpanan, pengangkutan dan kos berkaitan lain ("Kos"). Bagi tujuan ini, pemegang akaun hendaklah mendeposit dengan Bank suatu jumlah ("Deposit") yang akan ditentukan oleh Bank dan Deposit akan digunakan oleh Bank untuk membayar Kos. Jika terdapat sebarang kurangan antara Kos dan Deposit, pemegang akaun hendaklah membayar kepada Bank jumlah kurangan tersebut apabila dituntut. Jika terdapat sebarang lebihan antara Kos dan Deposit, jumlah lebihan tersebut hendaklah dikembalikan kepada pemegang akaun; dan
 - (c) penyerahan Komoditi secara fizikal akan dilakukan oleh Bank dalam cara dan pada masa yang akan ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya.
- Apabila luput notis yang dirujuk di dalam (a) di atas, FRIA-i akan ditutup oleh Bank dan jika berkenaan, peruntukan di bawah Klausa 8 akan dikenakan.
- 3.6 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun untuk melaksanakan perbuatan yang dinyatakan dalam Klausa 3.2 (a) dan (b) hendaklah dibubarkan:
- (i) jika FRIA-i Semasa ditutup oleh Bank mengikut Klausa 8;
 - (ii) jika pemegang akaun menjalankan pilihan pemegang akaun untuk menamatkan agensi kerana salah laku, kecuaihan atau pelanggaran syarat-syarat agensi tertentu oleh Bank. Dalam keadaan sedemikian, liabiliti Bank untuk apa-apa pampasan menurut kerugian yang dialami oleh pemegang akaun adalah terhad kepada keuntungan yang mungkin diperolehi oleh pemegang akaun jika Bank telah melaksanakan agensi tersebut mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini.

4. PILIHAN PEMBAYARAN

- 4.1 Bank akan, sebagai ejen kepada pemegang akaun berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat di sini, melaksanakan Transaksi Komoditi Murabahah di bawah kontrak Murabahah (jualan pada nilai kos dan keuntungan) atas dasar pembayaran tertangguh.
- 4.2 Bagi setiap Transaksi Komoditi Murabahah, Bank akan akan membayar deposit cagaran ("Deposit Cagaran") kepada pemegang akaun dalam jumlah yang bersamaan dengan keuntungan yang akan diperolehi daripada Transaksi Komoditi Murabahah atau sebarang jumlah lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Deposit Cagaran bertujuan menjamin pelaksanaan Bank sebagai ejen pemegang akaun di bawah klausa 3.2 di atas. Bank merizab hak untuk menolak Deposit Cagaran daripada keuntungan yang diperolehi daripada Transaksi Komoditi Murabahah yang perlu dibayar kepada pemegang akaun.

- 4.3 Klausula 4.2 di atas tidak terpakai apabila pemegang akaun memilih pembayaran keuntungan yang diperolehi daripada Transaksi Komoditi Murabahah atas dasar bulanan atau apabila matang.

5. KADAR KEUNTUNGAN / PEMBAYARAN KEUNTUNGAN

- 5.1 Keuntungan pada sebarang kadar yang boleh ditetapkan oleh Bank hendaklah dibayar terhadap FRIA-i, selaras dengan amalan Bank yang berkuat kuasa. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada kadar keuntungan oleh Bank, pemakluman tentang perubahan tersebut akan dipaparkan di ruang perbankan Bank dan di laman sesawang Bank.
- 5.2 Meskipun klausula 4.2 dan 4.3 di atas, Bank boleh, atas arahan pemegang akaun, membayar keuntungan daripada Transaksi Murabahah Komoditi kepada pemegang akaun sama ada atas dasar bulanan atau apabila tempohnya telah matang, mengikut keadaan. Sekiranya keuntungan dibayar atas dasar bulanan, jumlah yang diterima oleh pemegang akaun adalah bersamaan dengan jumlah keuntungan yang akan dibahagikan bagi bulan tersebut manakala sekiranya keuntungan dibayar apabila matang, Bank hendaklah membayar keseluruhan jumlah keuntungan secara sekaligus atau setiap enam (6) bulan sekali kepada pemegang akaun, mengikut keadaan.
- 5.3 Dalam keadaan di mana pemegang akaun membuka FRIA-i menggunakan deposit cek, Deposit Cagaran hanya akan dibayar oleh Bank kepada pemegang akaun apabila cek dijelaskan.
- 5.4 Bank dan pemegang akaun kedua-duanya mengakui bahawa di bawah Transaksi Penjualan, kewajipan pembayaran Bank adalah untuk membayar kepada pemegang akaun Harga Penjualan Murabahah ditolak sebarang Deposit Cagaran atau keuntungan.
- 5.5 Jika berlaku sebarang peristiwa penamatan yang dinyatakan di dalam 2.6, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak membayar suatu jumlah yang kurang daripada Harga Penjualan Murabahah yang dipersetujui (selepas menolak Deposit Cagaran), atau sebarang pembayaran yang dibuat kepada pemegang akaun (mengikut keadaan), berdasarkan perkara berikut:-
- (a) sekiranya tempoh deposit adalah 3 bulan dan kurang, pengeluaran awal dibenarkan oleh Bank tertakluk kepada persetujuan pemegang akaun untuk memberikan rebat/ibra' dan dalam keadaan sedemikian, tiada keuntungan akan dibayar.
 - (b) sekiranya tempoh deposit adalah 4 bulan dan lebih, dan pengeluaran dibuat sebelum tamatnya tempoh 3 bulan, pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat/ibra' dan dalam keadaan sedemikian, tiada keuntungan akan dibayar.
 - (c) Selain daripada keadaan di atas, sekiranya pengeluaran dibuat sebelum tarikh matang, pemegang akaun bersetuju memberikan rebat/ibra' berdasarkan formula berikut:

$$\text{Rebat/Ibra'} = \text{Harga Penjualan Murabahah} - [(P \times t/365 \times R(\%) \times 50\%) + P]$$

Di mana:

Harga Penjualan Murabahah	= Jumlah Prinsipal + Keuntungan
P	= Jumlah Prinsipal
t	= Bilangan hari berdasarkan bulan yang lengkap
R	= Kadar Keuntungan (%)

Klausula 5.5 akan berhenti berkuatkuasa mulai 1 November 2018. Oleh itu, pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat / ibra 'di mana tidak ada keuntungan yang akan dibayar bagi apa-apa penunaian awal dan/atau pengeluaran sebelum tempoh matang untuk FRIA-i yang diletakkan atau diperbaharui dari 1 November 2018 dan seterusnya. Berikutan daripada yang tersebut, bagi FRIA-i di mana keuntungan adalah dibayar atas dasar bulanan atau apabila matang, jumlah yang akan dibayar kepada pemegang akaun adalah Harga Penjualan Murabahah ditolak dengan keuntungan. Bagi FRIA-i di mana Deposit Cagaran dibayar oleh Bank, jumlah jumlah yang akan dibayar kepada pemegang akaun adalah Harga Penjualan Murabahah ditolak dengan keuntungan dan Deposit Cagaran. Penempatan / pembaharuan FRIA-i yang dibuat sebelum 1 November 2018 tidak akan dilaksanakan oleh semakan tersebut.

- 5.6 Pemegang akaun dengan ini bersetuju bahawa penentuan oleh Bank tentang sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada pemegang akaun di bawah FRIA-i, kecuali kesislapan nyata, adalah muktamad, konklusif dan mengikat terhadap pemegang akaun.
- 5.7 Apabila berlaku pengeluaran sebahagian daripada jumlah FRIA-i oleh pemegang akaun, seperti peruntukan 2.7, dengan sendirinya pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak membayar jumlah yang lebih rendah daripada harga jualan Mudharabah yang telah dipersetujui sebelumnya (setelah ditolak diposit sekuriti) atau sebarang bayaran yang telah dibuat kepada pemegang akaun (dalam keadaan berkaitan) berpandukan kepada kaedah berikut:
- (a) Sekiranya tempoh matang FRIA-i adalah 3 bulan dan kebawah, pengeluaran sebahagian adalah dibenarkan oleh Bank, dimana ianya adalah tertakluk kepada persetujuan pemegang akaun untuk memberi rebat/ibra' dan tiada keuntungan ke atas jumlah pengeluaran itu akan dibayar.
 - (b) Sekiranya tempoh matang FRIA-i itu 4 bulan dan ke atas dan sebahagian pengeluaran dilakukan sebelum mencapai tempoh deposit 3 bulan, pemegang akaun adalah tertakluk kepada persetujuan untuk memberi rebat/ibra' dan tiada keuntungan ke atas jumlah pengeluaran itu akan dibayar.
 - (c) Melainkan keadaan di atas, jika pengeluaran sebahagian dibuat sebelum tarikh matang, pemegang akaun bersetuju untuk menyediakan rebat/ibra' dan oleh itu, keuntungan terhadap jumlah yang dikeluarkan akan dihadkan kepada hanya 50% daripada keuntungan yang dikontrak untuk setiap bulan penuh sebelum pengeluaran sebahagian.

Klausula 5.7 akan berhenti berkuatkuasa mulai 1 November 2018. Oleh itu, pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat / ibra 'di mana tidak ada keuntungan yang akan dibayar bagi mana-mana pengeluaran sebelum tempoh matang untuk FRIA-i yang diletakkan atau diperbaharui dari 1 November 2018 dan seterusnya. Berikutan daripada yang tersebut, jumlah yang akan dibayar kepada pemegang akaun adalah Harga Penjualan Murabahah ditolak dengan keuntungan ke atas sebahagian pengeluaran. Peletakan / pembaharuan FRIA-i yang dibuat sebelum 1 November 2018 tidak akan dipengaruhi oleh semakan tersebut.

6. **AKAUN BERSAMA** (Terpakai terhadap akaun bersama dalam nama dua orang atau lebih daripada dua orang)

- 6.1 Semua persetujuan, kewajipan, kuasa dan liabiliti yang terkandung dalam Perjanjian ini akan dianggap bersama dan berasingan. Obligasi Bank akan dilaksanakan dengan memaklumkan mana-mana orang yang dinamakan dalam akaun bersama.
- 6.2 Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan berakujanji untuk menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila ditanggung yang berbangkit daripada sebarang kebenaran yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.
- 6.3 Sekiranya mana-mana pemegang akaun bersama meninggal dunia, menjadi bankrap atau menjadi kurang siaman, sebarang baki kredit dalam akaun bersama boleh dibayar kepada pemegang akaun yang masih tinggal tertakluk kepada pematuhan (jika dikehendaki) dengan Enakmen Duti Harta Pusaka atau Undang-undang Syariah atau sebarang perundangan lain yang serupa sifatnya.

7. **HAK TOLAKAN dan HAK UNTUK MENDEBIT**

- 7.1 Bank merizab hak untuk mengeluarkan makluman selama 7 hari kalendar kepada pemegang akaun untuk menggabungkan, menyatukan FRIA-i dan sebarang akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank ('Akaun') dan atau menolak dan atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun dan atau baki kredit dalam mana-mana satu atau lebih daripada satu FRIA-i pada atau sebelum kematangan FRIA-i untuk atau bagi tujuan menjelaskan sebarang liabiliti pemegang akaun kepada Bank, sama ada liabiliti kepada Bank tersebut adalah liabiliti sebenar, kontingen, utama, sekunder, berasingan, bersama, ditanggung dalam kapasiti sebagai pelanggan dan atau penjamin dan atau penanggung rugi dan atau penyedia cagaran, atau dalam mata wang lain ('Keberhutangan'). Sementara menunggu Bank melaksanakan tolakan tersebut, Bank berhak menahan dan atau menggantung pembayaran apa-apa wang daripada baki kredit dalam Akaun dan atau mana-mana FRIA-i. Sekiranya pemegang akaun gagal menyelesaikan sepenuhnya Keberhutangan dengan Bank apabila luputnya makluman 7 hari kalendar tersebut, Bank berhak menolak keseluruhan baki kredit daripada Akaun dan atau mana-mana satu atau lebih daripada satu FRIA-i atau

sehingga jumlah Keberhutangan untuk menyelesaikan Keberhutangan secara sebahagiannya atau sepenuhnya (mengikut keadaan).

- 7.2 Untuk mengelakkan keraguan, pemegang akaun bersetuju bahawa hak Bank untuk menahan atau menggantung pembayaran dan atau tolakan boleh diguna pakai kepada dan boleh dilaksanakan oleh Bank di mana atau berkenaan dengan (a) Akaun FRIA-i bersama dan atau mana-mana akaun bersama lain pemegang akaun di mana baki kreditnya digunakan untuk menolak keberhutangan yang ditanggung kepada Bank oleh mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama dan/atau oleh mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama dengan mana-mana orang lain dan sama ada keberhutangan yang ditanggung kepada Bank tersebut adalah sebenar, kontingen, utama, sekunder, berasingan, bersama, ditanggung dalam kapasiti sebagai pelanggan dan/atau penjamin dan atau penanggung rugi dan/atau penyedia cagaran; (b) Bank telah dimaklumkan bahawa pemegang akaun dan atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama telah melakukan tindakan kebangkrutan dan/atau notis kebangkrutan dan/atau petisyen untuk kebangkrutan atau penggulungan telah difailkan terhadap pemegang akaun dan/atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama; (c) Bank telah dimaklumkan bahawa pemegang akaun atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama telah diisytiharkan bankrap atau digulungkan; dan (d) Bank telah dimaklumkan tentang kematian pemegang akaun atau kematian mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama.
- 7.3 Pemegang akaun dengan tak boleh batal memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit FRIA-i pada bila-bila masa setelah memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari, dengan sebarang jumlah yang telah dikreditkan ke dalam FRIA-i yang diakibatkan atau disebabkan oleh dan/atau berbangkit daripada perkara berikut:
- i. pembayaran yang dibuat, dipindahkan atau dikreditkan ke dalam FRIA-i disebabkan kesilapan Bank dan atau disebabkan tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga bahawa jumlah tersebut telah dengan silap dibayar oleh pihak ketiga ke dalam FRIA-i dan atau disebabkan tuntutan oleh pihak ketiga bahawa beliau telah ditipu, difraud atau diperdaya agar membuat pembayaran ke dalam FRIA-i dan atau disebabkan sebarang kepincangan atau kerosakan operasi dan atau sistem Bank dan atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah Bank;
 - ii. cek dan atau sebarang instrumen wang lain yang selepas itu tidak dilayan atas sebarang sebab pun jua dan jika hasil cek dan atau instrumen wang ini telah dikreditkan oleh Bank ke dalam FRIA-i sebelum itu;
 - iii. jumlah yang dikreditkan ke dalam FRIA-i akibat sebarang instrumen/arahan yang disyaki telah diusik/transaksi yang disyaki memfraud, sama ada pemegang akaun terlibat atau tidak;
 - iv. pembayaran di bawah FRIA-i yang diminta agar dibayar oleh Bank Negara Malaysia dan atau pihak berkuasa Polis atau mana-mana pihak berkuasa lain selaras dengan sebarang undang-undang yang berkenaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- 7.4 Di samping pemberikuasaan di bawah Klausula 7.3, pemegang akaun dengan tak boleh batal memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit FRIA-i apabila FRIA-i ditunaikan oleh pemegang akaun dan atau apabila FRIA-i matang, yang mana lebih awal, bagi tujuan membuat pembayaran, pembayaran balik dan atau pembayaran ganti kepada Bank dan/atau CIMB Bank Berhad di bawah atau berbangkit daripada perkara berikut dengan syarat notis terdahulu selama tujuh (7) hari hendaklah diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun:
- i. fi, kos, perbelanjaan, caj yang perlu dibayar berhubung dengan FRIA-i selaras dengan terma di dalam ini dan atau walau bagaimanapun jua ditanggung dan atau dicaj oleh Bank berhubung dengan sebarang akaun-akaun lain, produk perbankan, perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh Bank dan/atau CIMB Bank Berhad kepada pemegang akaun;
 - ii. cukai, duti setem dan sebarang levi atau caj lain yang dikenakan oleh kerajaan dan perlu dibayar oleh pemegang akaun terhadap FRIA-i dan/atau sebarang akaun-akaun lain, produk perbankan, perkhidmatan atau kemudahan lain yang disediakan oleh Bank dan/atau CIMB Bank Berhad kepada atau untuk manfaat pemegang akaun;
 - iii. kerugian dan atau kerosakan yang walau bagaimanapun jua dialami atau ditanggung oleh Bank semasa melaksanakan sebarang permintaan dan arahan pemegang akaun dan/atau semasa memberikan perkhidmatan berhubung dengan FRIA-i yang diperuntukkan dalam terma di dalam ini;

- iv. jumlah berbangkit daripada sebarang tanggung rugi dan atau jaminan yang diberikan oleh pemegang akaun memihak kepada Bank berhubung dengan penyediaan sebarang perkhidmatan dan kemudahan oleh Bank kepada pemegang akaun selaras dengan terma di dalam ini;
 - v. fi guaman, pembayaran perbelanjaan dan kos (atas dasar tanggung rugi peguamcara-anakguam dan penuh) yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan sebarang :
 - a. langkah mendapatkan balik sebarang keberhutangan di bawah sebarang kemudahan atau pembiayaan yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun;
 - b. prosiding garnisi yang difailkan dan disampaikan ke atas Bank dan di mana Bank dinamakan sebagai garnisi terhadap FRIA-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank;
 - c. prosiding interplider atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang difailkan oleh Bank terhadap FRIA-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank;
 - d. Injunksi atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang dimulakan terhadap FRIA-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank, sama ada Bank dinamakan sebagai pihak atau tidak;
 - e. prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh pemegang akaun atau mana-mana pihak lain melibatkan FRIA-i dan atau sebarang akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank dan di mana Bank berjaya membela prosiding undang-undang tersebut; dan
 - vi. pembayaran terdahulu yang dibayar kepada pemegang akaun dan atau mana-mana pihak ketiga di bawah sebarang perkiraan yang dimasuki antara Bank dan pemegang akaun dan atau di bawah sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun.
- 7.5 Sementara menunggu FRIA-i didebit dan atau FRIA-i ditunaikan selaras dengan Klausu 7.3 dan 7.4, Bank berhak menahan dan atau menggantung pembayaran sebarang wang daripada baki kredit di dalam FRIA-i.

8. PENUTUPAN AKAUN

- 8.1 Apabila pemegang akaun menunaikan keseluruhan FRIA-i di dalam akaun, akaun tersebut akan ditutup.
- 8.2 Bank mempunyai hak untuk menutup akaun tersebut apabila tamat notis yang dikemukakan kepada Bank menurut Klausu 3.5 (a)
- 8.3 Pemegang akaun bersetuju bahawa Bank merizab hak untuk menutup mana-mana akaun menurut budi bicara mutlak Bank tanpa perlu memberikan sebarang sebab, dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang akaun.
- 8.4 Pemegang akaun hendaklah mematuhi semua keperluan Bank, jika ada, bagi penutupan akaun.

9. CUKAI PEGANGAN

- 9.1 Cukai di mana terpakai, pada kadar yang ditetapkan akan dipotong bagi semua pembayaran keuntungan.

10. KLAUSA TANGGUNG RUGI

- 10.1 Pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank, sebagai bank pemungut, terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank kerana Bank menjamin sebarang pengindorsan, pelepasan terhadap cek, bil, nota, deraf, dividen, waran atau instrumen lain yang dikemukakan oleh pemegang akaun untuk dipungut dan setiap jaminan sedemikian yang diberikan oleh Bank akan dianggap diberikan atas permintaan nyata oleh pemegang akaun dalam setiap keadaan.
 - a. Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti untuk atau atas permintaan pemegang akaun, sebarang dana atau sekuriti dan barang berharga lain kepunyaan pemegang akaun yang dideposit

dengan Bank akan secara automatik menjadi cagaran kepada Bank dan Bank berhak memegang dana tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya dan malah tidak melayan cek pemegang akaun sehingga liabiliti dijelaskan.

11. PEMBATASAN LIABILITI

- 11.1 Bank tidak akan bertanggungjawab dan pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas semua kerugian, kos, perbelanjaan dan cukai yang mungkin ditanggung oleh pemegang akaun atau Bank berhubung dengan mana-mana atau semua akaun pun jua atau pelaksanaan sebarang arahan oleh Bank (meskipun arahan sedemikian mungkin memfraud atau tanpa kebenaran) atau jika mana-mana akaun pemegang akaun atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh sebarang pihak berkuasa kerajaan atau rasmi.
- 11.2 Pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa semua dana, wang, sekuriti dan apa jua barang bernilai dan harta lain kepunyaan pemegang akaun dan dideposit dengan Bank di bawah FRIA-i dan/atau mana-mana akaun lain pemegang akaun ('harta') hendaklah secara automatik menjadi cagaran kepada Bank dan Bank berhak untuk
- (i) menolak dan atau mendebit sebarang wang yang dirangkum dalam harta bagi tujuan membayar sebarang liabiliti yang ditanggung oleh pemegang akaun kepada Bank seperti yang diperuntukkan di bawah peruntukan Klausa 7 di dalam ini
 - (ii) memegang atau menahan harta sehingga liabiliti pemegang akaun kepada Bank yang diperuntukkan di dalam ini dijelaskan dengan sepenuhnya.

12. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

- 12.1 Sebarang perubahan pada e-mail pemegang akaun, dan/atau alamat, tandatangan dan/atau butir-butir pemegang akaun yang lain yang direkodkan dengan Bank hendaklah dimaklumkan kepada Bank secara bertulis.
- 12.2 Semua komunikasi yang dihantar oleh Bank melalui elektronik dan/atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) and/atau pos atau ditinggalkan di alamat terakhir pemegang akaun yang didaftarkan dengan Bank, akan dianggap sebagai diserahkan kepada dan diterima oleh pemegang akaun.

13. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 13.1 Terma-terma dan Syarat-syarat mengenai Akaun FRIA-i ini adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan-badan lain yang relevan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

14. ARAHAN

- 14.1 Sebarang arahan daripada pemegang akaun kepada Bank terhadap akaun hendaklah dibuat secara bertulis, dan ditandatangani oleh pemegang akaun. Sebarang arahan sedemikian hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank.

15. CAJ PERBANKAN

- 15.1 Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank berhak mengenakan fi dan caj untuk mana-mana perkhidmatannya yang disediakan kepada pemegang akaun, selaras dengan amalan Bank yang berkuat kuasa. Fi dan caj berkenaan adalah ditanggung oleh pemegang akaun. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada fi dan caj yang terpakai terhadap FRIA-i, makluman tentang perubahan tersebut hendaklah disampaikan kepada pemegang akaun selewat-lewatnya 21 hari kalendar sebelum tarikh berkuatkuasanya perubahan tersebut. Makluman sedemikian hendaklah disampaikan kepada pemegang akaun secara bertulis atau melalui kaedah elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di ruang perbankan Bank atau di laman sesawang Bank. Semua caj dan fi sedemikian boleh didebit daripada sebarang akaun yang dibuka oleh pemegang akaun dengan Bank.

16. PENYATA AKAUN

- 16.1. Penyata akaun bulanan yang menyenaraikan setiap FRIA-*i* dan butir-butir transaksi yang berkaitan di cawangan tertentu akan dikeluarkan oleh Bank dan disediakan di dalam talian melalui CIMB Clicks dan/atau dihantar melalui pos kepada pemegang akaun, yang menyenaraikan transaksi dalam tempoh tersebut. Permintaan oleh pemegang akaun untuk penyata akaun tambahan (dalam salinan cetak) akan dikenakan caj perkhidmatan yang berkenaan untuk menghasilkan semula penyata bagi tempoh sehingga 1 tahun;
- 16.2. Pemegang akaun dikehendaki menyemak transaksi yang direkodkan dalam penyata dan memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, perkara yang tidak kena, percanggahan, tuntutan atau debit atau butiran yang tidak dibenarkan. Jika pemegang akaun gagal memaklumkan Bank bahawa penyata tidak diterima dan mendapatkan sesalinan penyata tersebut atau tidak memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, percanggahan, tuntutan atau debit atau butiran yang tidak dibenarkan dalam penyata dalam masa 14 hari dari tarikh penyata, pemegang akaun akan dianggap telah menerima dengan muktamad semua masukan yang terkandung dalam penyata sebagai benar dan tepat dalam semua segi.
- 16.3. Bank mungkin tidak akan mengeluarkan dan/atau menyediakan penyata akaun jika akaun adalah dormant atau tidak aktif bagi suatu tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank juga mungkin berhenti mengeluarkan dan/atau menyediakan penyata akaun jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab pun jua.

17. PENDEDAHAN MAKLUMAT

17.1 Tertakluk kepada peruntukan di bawah yang

- (i) melarang pendedahan maklumat kepada Syarikat-syarikat Kumpulan jika dibantah oleh pemegang akaun; dan
- (ii) menghendaki kebenaran nyata daripada pemegang akaun untuk pendedahan maklumat kepada pihak ketiga bagi tujuan yang dinyatakan,

pemegang akaun dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada mana-mana agen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam, penasihat profesionalnya, penyedia cagaran dan penjamin di dalam atau di luar Malaysia dan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("Syarikat-syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat-syarikat Kumpulan tersebut menetap, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia sebarang maklumat berkaitan dengan pemegang akaun, urusan pemegang akaun dan/atau sebarang akaun yang dipegang oleh pemegang akaun dengan Bank untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan oleh atau diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat-syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka.

Pendedahan kepada Syarikat-syarikat Kumpulan adalah bagi tujuan memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/ atau Syarikat-syarikat Kumpulan dengan syarat sentiasa bahawa **pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak akan dilakukan jika pendedahan dibantah oleh pemegang akaun** dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada pemegang akaun): Customer Resolution Unit, Unit Resolution Pelanggan (CRU) Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur. 50710 Wilayah Persekutuan. No. Pusat Panggilan: 03-6204 7788, E-mel : CRU@cimb.com

Selanjutnya, jika Bank bercadang untuk berkongsi maklumat pemegang akaun (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun pemegang akaun) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi, Bank hendaklah memastikan bahawa kebenaran pemegang akaun diperolehi.

- 17.2 Pemegang akaun dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau agen Bank untuk menghubungi pemegang akaun dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.
- 17.3. Tanpa menjejaskan perkara yang disebut sebelum ini dan berdasarkan alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon dan/atau sebarang butir-butir hubungan sedia ada lain pemegang akaun yang disimpan atau direkodkan dengan Bank, Bank dengan ini secara tak boleh batal diberi kuasa (tetapi tidak mempunyai

kewajipan) untuk menghubungi dan/atau memaklumkan pemegang akaun melalui pos dan/atau mel elektronik dan/atau telefon dan/atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan/atau perkhidmatan kurier dan/atau sebarang cara komunikasi lain yang dipilih oleh Bank menurut budi bicara tunggalnya. Maklumat atau makluman yang dihantar oleh Bank merangkum sebarang maklumat atau makluman yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat berkaitan dengan Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-*i* dan/atau sebarang maklumat berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan/atau mana-mana pihak lain yang diadakan bersama-sama dengan Bank.

18. PERIZABAN HAK

- 18.1 Bank merizab hak, setelah memberikan notis yang cukup, untuk menambah, memotong atau meminda sebarang peruntukan yang dinyatakan di dalam ini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, tambahan, pemotongan atau pindaan ("Pindaan") pada peruntukan di dalam ini adalah mengikat terhadap pemegang akaun dan dianggap telah dibawa kepada perhatian pemegang akaun apabila
- (i) dipaparkan di ruang perbankan Bank dan di dalam laman sesawang Bank berkaitan dengan pindaan dimana perincian berkaitan pindaan boleh dinyatakan didalam notis berkenaan atau di sediakan untuk pemegang akaun atas permintaan; atau
 - (ii) melalui notis yang dihantar oleh Bank ke alamat terakhir pemegang akaun yang diketahui; atau
 - (iii) diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau
 - (iv) melalui mel elektronik atau melalui sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap pemegang akaun dari tarikh pemakluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam pemakluman.

19. PENYERAHAN HAK TIDAK DIBENARKAN

- 19.1 Pemegang akaun tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Bank, menyerahkan hak dan atau mewujudkan sebarang kepentingan cagaran terhadap hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan FRIA- i termasuk tetapi tidak terhad kepada semua wang yang disimpan di dalamnya memihak kepada mana-mana orang kecuali dan melainkan bahawa kepentingan cagaran tersebut boleh diserahkan hak dan atau diwujudkan memihak kepada Bank.

20. PEMBEKUAN FRIA-i

- 20.1 Tanpa prejudis terhadap dan tanpa menjejaskan sebarang hak lain yang boleh dilaksanakan oleh Bank untuk membekukan FRIA-i pada bila-bila masa selaras dengan atau menurut sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan dan/atau enakmen, Bank berhak pada bila-bila masa, menurut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya dan tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu kepada pemegang akaun, menahan diri daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di dalam FRIA-i termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua arahan atau transaksi berikut (a) pembayaran sebarang wang di bawah atau daripada FRIA-i; (b) penerimaan sebarang wang atau deposit atau cek atau sebarang instrumen lain untuk pungutan dan atau untuk dikreditkan ke dalam FRIA-i ("Pembekuan FRIA-i") apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:
- (a) Bank dimaklumkan bahawa pemegang akaun telah melakukan suatu tindakan kebangkrapan dan/atau notis kebangkrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan, mengikut keadaan, telah difailkan atau dikemukakan terhadap pemegang akaun ("hal-hal insolvensi pemegang akaun");
 - (b) berhubung dengan FRIA-i yang dibuka oleh perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun, apabila Bank menerima apa-apa tuntutan atau arahan yang bertentangan atau berlawanan atau bercanggah berkaitan dengan mandat operasi FRIA-i dan atau pembayaran sebarang cek atau sebarang instrumen lain atau pembayaran sebarang wang daripada FRIA-i daripada mana-mana rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif atau daripada mana-mana orang yang mendakwa diri mereka adalah rakan kongsi atau pengarah atau pemegang

jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun, mengikut keadaan, yang membuka FRIA-i (“pertikaian dalaman pemegang akaun”);

- (c) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain (“pihak berkuasa berkaitan”) agar menahan diri daripada melaksanakan sebarang transaksi di bawah FRIA-i seperti yang dinyatakan di atas tidak kiralah sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau kuasa yang sah untuk membuat permintaan tersebut kepada Bank (“arahan pihak berkuasa berkaitan”).

20.2 Pembekuan FRIA-i akan dihentikan atau ditamatkan apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:

- (a) Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah mengemukakan bukti yang wajar kepada Bank hingga memuaskan hati Bank, bahawa Notis Kebankrapan atau petisyen penggulangan atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan telah ditarik balik secara sah oleh pempetisyen atau ditolak atau dibatalkan oleh mahkamah atau apabila perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan FRIA-i disampaikan kepada Bank.
- (b) Berhubung dengan pertikaian dalaman pemegang akaun, pertikaian tersebut telah diselesaikan antara semua pihak berkenaan dan kenyataan bertulis yang demikianlah maksudnya yang ditandatangani oleh semua pihak berkenaan yang meminta agar Pembekuan FRIA-i ditamatkan tanpa syarat telah disampaikan kepada Bank, atau secara alternatif, perintah mahkamah yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan FRIA-i telah disampaikan kepada Bank.
- (c) Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk melaksanakan penamatan Pembekuan FRIA-i atau secara alternatif, perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan FRIA-i telah disampaikan kepada Bank.

20.3 Dengan Membekukan FRIA-i selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini termasuk sebarang tindakan yang boleh diambil oleh Bank seperti memulangkan mana-mana cek atau instrumen lain yang dideposit untuk pungutan seperti yang diperuntukkan di dalam ini, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas fitnah dan atau atas kemungkiran kontrak dan atau atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin dituntut terhadap Bank oleh pemegang akaun atau oleh mana-mana orang lain berdasarkan apa-apa sebab jua sekalipun dan dengan tidak mengira apa-apa nota yang mungkin diberikan oleh Bank berhubung dengan pemulangan dan berhubung dengan perkara ini. Pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan berakujanji untuk memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan sama sekali terhadap sebarang tuntutan untuk gantirugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh mana-mana orang lain.

20.4 Pemegang akaun seterusnya bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang guaman berbangkit daripada tindakan Bank yang membekukan FRIA-i di dalam ini atau jika Bank, sebelum atau selepas Pembekuan FRIA-i, memulakan sebarang guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang prosiding interplider terhadap mana-mana pihak termasuk pemegang akaun untuk apa-apa relief atau deklarasi yang suaimanfaat yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, gantirugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank hendaklah ditanggung rugi dengan sepenuhnya oleh pemegang akaun.

20.5 Dengan bertindak selaras dengan mana-mana terma, syarat dan peruntukan di dalam ini, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan atau kos pun jua yang boleh dituntut terhadap Bank atas alasan bahawa Bank belum dimaklumkan tentang peristiwa berkaitan yang disebut dalam Klausula 20.1 di dalam ini kerana makluman tersebut adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal, tidak berkuat kuasa atau atas sebarang alasan lain. Istilah pemegang akaun di mana jua disebut di dalam ini hendaklah bermaksud mana-mana seorang atau lebih daripada seorang atau semua pemegang akaun jika pemegang akaun adalah lebih daripada seorang.

21. KLAUSA PRIVASI (Untuk Individu Am)

- 21.1 Pemegang akaun dengan ini mengesahkan bahawa Pemegang akaun telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbislamic.com) dan klausa-klausa di dalam ini, yang menyentuh pemrosesan maklumat peribadi Pemegang akaun. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pemegang akaun bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap digabungkan melalui rujukan ke dalam perjanjian ini.
- 21.2 Sekiranya Pemegang akaun memberikan maklumat peribadi dan kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan waris dekat dan tanggungan Pemegang akaun (jika Pemegang akaun seorang individu) atau maklumat berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan penyedia cagaran (jika Pemegang akaun sebuah perbadanan), bagi tujuan membuka atau mengendalikannya akaun/kemudahan Pemegang akaun dengan kami atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang akaun (a) mengesahkan bahawa Pemegang akaun telah mendapatkan kebenaran mereka atau sebaliknya berhak memberikan maklumat ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya selaras dengan perjanjian ini; (b) bersetuju memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju memberikan maklumat kemas kini kepada kami secara bertulis sekiranya berlaku sebarang perubahan material pada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) menyetujui hak kami untuk menamatkan perjanjian ini sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 21.3 Jika Pemegang akaun mengarahkan kami agar melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butir-butir yang relevan bagi transaksi rentas sempadan tersebut (termasuk maklumat berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut) mungkin diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana butir-butir ini mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas sah mereka (misalnya pencegahan jenayah). Sewaktu mengarahkan kami dan/atau agen Bank untuk memasuki sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemegang akaun, Pemegang akaun menyetujui pendedahan yang disebut di atas bagi pihak Pemegang akaun dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 21.4 Pihak Bank mungkin pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau di masa hadapan menggunakan agensi pelaporan/rujukan kredit untuk membantu membuat keputusan, misalnya apabila kami perlu (a) menyemak butir-butir mengenai permohonan bagi kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau kemudahan lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit, termasuk menjalankan semakan terhadap portfolio Pemegang akaun; mendapatkan balik hutang; dan/atau sebarang tujuan yang mempunyai kaitan atau hubungan dengan akaun/kemudahan di bawah perjanjian ini. Pemegang akaun akan dipautkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada sebarang nama lain yang kini atau pernah digunakan oleh Pemegang akaun, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Berhubung dengan itu, pemegang akaun membenarkan Bank untuk akses kepada agensi pelaporan/rujukan kredit pemegang akaun juga memberi kebenaran kepada agensi pelaporan/rujukan kredit untuk mendedahkan maklumat kredit pemegang akaun yang dinyatakan di bawah Akta Kredit Pelaporan Agencies 2010 kepada Bank. Bank juga mungkin berkongsi maklumat tentang Pemegang akaun dan bagaimana Pemegang akaun menguruskan akaun/kemudahan Pemegang akaun dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang relevan.
- 21.5 Meskipun selepas Pemegang akaun memberikan sebarang maklumat kepada kami, Pemegang akaun mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum itu. Dalam keadaan sedemikian, kami berhak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan sebarang produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut.
- 21.6 Bank berhak meminda klausa ini dari semasa ke semasa menurut budi bicara tunggal Bank dan akan memberikan makluman bertulis terlebih dahulu kepada pemegang akaun dan akan memaparkan sebarang pindaan di laman web Bank dan/atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di lokasi yang mudah dilihat di cawangan-cawangan Bank.
- 21.7 Bagi tujuan Klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat yang dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan terkawal lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "kami" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 21.8 Pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa kami tidak akan walau apa pun bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan atau sebaliknya), kecederaan, perasaan malu atau liabiliti yang walau bagaimanapun jua berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian, liabiliti ketat atau

sebarang asas (termasuk gantirugi langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) berbangkit daripada sebarang ketidaktepatan atau kehilangan, pemadaman atau modifikasi data atau atas sebarang sebab lain pun jua berkaitan dengan apa-apa maklumat yang diberikan oleh kami kepada agensi rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut, mengikut keadaan, atau berkaitan dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan oleh agensi rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut atau sandaran terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada diakibatkan oleh sebarang kerosakan teknikal, perkakasan atau perisian tidak kira jenisnya, gangguan, ralat, ketinggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya walau apa pun.

- 21.9 Klausula ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang klausula lain dalam perjanjian ini yang membuat peruntukan bagi pendedahan maklumat.

22. KLAUSA PRIVASI (UNTUK PELANGGAN KORPORAT)

22.1 Pemegang akaun dengan ini secara tak boleh batal membenarkan dan memberi kuasa, dan mengesahkan bahawa Syarikat telah dengan sewajarnya mendapat kebenaran dan pemberikuasaan daripada pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin, penyedia cagaran, rakan kongsi perniagaan, anak syarikat, syarikat bersekutunya dan/atau mana-mana orang, individu dan/atau entiti lain yang berkaitan atau bersekutu dengan Syarikat yang dianggap wajar oleh Bank (selepas ini dirujuk secara tunggal atau kolektif sebagai "Orang Relevan"), untuk Bank:

- (i) diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi yang relevan tentang Orang Relevan tersebut) yang mungkin dikehendaki oleh pihak Bank bagi pemrosesan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk bagi penggunaan selaras dengan terma dan syarat relevan dan bagi tujuan pemberian dan penyenggaraan kemudahan / akaun dengan berterusan;
- (ii) melaksanakan semakan rujukan yang perlu pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau di masa hadapan termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan rujukan/pelaporan kredit dengan agensi rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan dan untuk menyediakan kepada pihak yang disebut sebelum ini maklumat yang dikehendaki yang diminta oleh agensi rujukan kredit tersebut dan/atau pihak lain tersebut untuk memastikan status Syarikat dan Orang Relevannya yang mungkin dikehendaki oleh Bank bagi tujuan pemberian dan/atau penyenggaraan kemudahan/akaun dengan berterusan; mendapatkan balik hutang yang terhutang di bawah kemudahan/akaun; sebarang tujuan yang mempunyai kaitan atau hubungan dengan kemudahan/akaun di bawah perjanjian ini; dan/atau bagi sebarang tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia relevan.
- (iii) untuk mendedahkan maklumat peribadi Orang Relevan tersebut kepada kelas pihak yang diterangkan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbislamic.com); dan
- (iv) untuk menyediakan kepada Orang Relevan tersebut maklumat tentang produk, kemudahan perbankan, perkhidmatan dan/atau tawaran CIMB (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran oleh entiti dalam Kumpulan CIMB) yang mungkin menarik minat dan/atau membawa manfaat kewangan kepada mereka; menurut budi bicara tunggal Bank, tanpa rujukan lanjut kepada Syarikat dan/atau Orang Relevannya. Pemegang Akaun bersetuju menanggung tanggungjawab untuk memberikan maklumat kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku sebarang perubahan pada maklumat peribadi, kewangan dan kredit berkaitan dengan Orang Relevan tersebut. Sekiranya kebenaran dan/atau pemberikuasaan tersebut selepas itu dibatalkan oleh mana-mana Orang Relevan tersebut, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak menamatkan perkhidmatan/ menuput akaun tersebut.

22.2 Syarikat seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak akan walau apa pun bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan atau sebaliknya), kecederaan, perasaan malu atau liabiliti yang walau bagaimanapun jua berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian, liabiliti ketat atau sebarang asas (termasuk gantirugi langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) berbangkit daripada sebarang ketidaktepatan atau kehilangan, pemadaman atau modifikasi data atau atas sebarang sebab lain pun jua berkaitan dengan apa-apa maklumat yang diberikan oleh Bank kepada agensi rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut, mengikut keadaan, atau berkaitan dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk

mengakses atau menggunakan oleh agensi rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut atau sandaran terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada diakibatkan oleh sebarang kerosakan teknikal, perkakasan atau perisian tidak kira jenisnya, gangguan, ralat, ketinggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya walau apa pun.

- 22.3 Klausula ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang klausula lain dalam Terma dan Syarat ini yang membuat peruntukan bagi pendedahan maklumat.

23. LAIN-LAIN

- 23.1 Sekiranya ada sebarang aduan tentang FRIA-i, pemegang akaun boleh mengemukakan nota kepada pusat atau cawangan CIMB di mana FRIA-i dibuka. Sekiranya penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh Pusat atau cawangan CIMB tidak memuaskan hati pemegang akaun, pemegang akaun boleh menghubungi 'Customer Resolution Department' Bank di alamat, nombor telefon dan faks berikut (atau di sebarang alamat, nombor telefon dan faks lain yang boleh diubah oleh Bank dengan memaklumkan pemegang akaun): Unit Resolution Pelanggan (CRU) Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur. 50710 Wilayah Persekutuan. No. Pusat Panggilan: 03-6204 7788, E-mel : CRU@cimb.com
- 23.2 Sekiranya wujud perkara yang tidak konsisten, kesamaran atau percanggahan antara teks Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam bahasa Inggeris dan versi lain, versi bahasa Inggeris akan mengatasi versi lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh pemegang akaun bagi versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia, Bank hendaklah menyediakannya dan membenarkan pemegang akaun mengisi borang relevan dan menandatangani perjanjian dalam Bahasa Malaysia dan borang dan perjanjian sedemikian dalam Bahasa Malaysia yang diisi dan ditandatangani hendaklah membentuk asas kontrak antara Bank dan pemegang akaun.
- 23.3 Terma-terma dan Syarat-syarat ini bertujuan agar benar-benar mematuhi Syariah. Pemegang akaun dan Bank bersetuju bahawa hak dan obligasi mereka masing-masing di dalam ini bertujuan agar mematuhi dan tertakluk kepada dan mematuhi Syariah (Syariah sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank).